

PELUANG KERJAYA LEPASAN SPMV DALAM BIDANG  
ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK DI SEKTOR INDUSTRI BAGI  
MENGHASILKAN CARTA ALIRAN KERJAYA. SATU KAJIAN DI  
TIGA BUAH KILANG DI DAERAH BATU PAHAT, JOHOR

MAZLINA BT HARUN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO  
3 0000 00077566 2

SCANNED  
AVAILABLE ONLINE



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

## BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA

**JUDUL : PELUANG KERJAYA LEPASAN SPMV DALAM BIDANG ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK DI SEKTOR INDUSTRI BAGI MENGHASILKAN CARTA ALIRAN KERJAYA. SATU KAJIAN DI TIGA BUAH KILANG DI DAERAH BATU PAHAT, JOHOR.**

**SESI PENGAJIAN : 2001 / 2002**

Saya MAZLINA BT. HARUN  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan projek sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD




(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:

**KG. KOTA BATU 4 1/4,**  
**JALAN SALOR 15100,**  
**KOTA BHARU KELANTAN.**

Tarikh : 24/9/2002

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

**EN. MOHD YUSOP BIN AB. HADI**

Nama Penyelia

Tarikh : 24/9/2002

- CATATAN: \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).



Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn  
Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim

**BORANG PENGESAHAN PEMERIKSA SIDANG VIVA**  
**Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

1. Borang ini hendaklah diisi oleh **Pelajar** dalam **Dua** salinan sebelum sidang viva
2. Serahkan borang ini kepada **Pemeriksa** semasa sidang viva.
3. **Pemeriksa** menyerahkan borang-borang yang telah diisi kepada **Penyelaras**

Nama: MAZLINA BT. HARUN Tarikh: 10/9/02

Pembimbing: EN. MOHD YUSOP BIN AB. HADI

Tajuk Projek Kajian: PELUANG KERJAYA LEPASAN SPMV DALAM BIDANG ELEKTRIK  
DAN ELEKTRONIK DI SEKTOR INDUSTRI BAGI MENGHASILKAN LARTA  
ALIRAN KERJAYA. SATU KAJIAN DI DAERAH BATU PAHAT.

Keputusan

Ulasan

LULUS

LULUS BERSYARAT

GAGAL

*Pembetulan spt. 29. telah di  
nyatakan dan diform laporan.*

Tandatangan Pemeriksa:

Pemeriksa Pertama:

**Dr. Wan Mohd Rasbid bin Wan Ahmad**  
Pensyarah  
Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Nama

Tandatangan

Pemeriksa Kedua:

**MOHD IZAM B. GHAZALI**

Nama

Tandatangan

## Pengesahan Penyelia

“ Saya/kami \* akui bahawa saya/kami telah membaca karya ini dan pada pandangan saya/kami \* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualitinya untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 

Nama Penyelia : EN. MOHD. YUSOP BIN AB. HADI

Tarikh : 24/4/2002

PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**PELUANG KERJAYA LEPASAN SPMV DALAM BIDANG ELEKTRIK DAN  
ELEKTRONIK DI SEKTOR INDUSTRI BAGI MENGHASILKAN CARTA  
ALIRAN KERJAYA. SATU KAJIAN DI TIGA BUAH KILANG DI DAERAH  
BATU PAHAT, JOHOR.**

**MAZLINA BT. HARUN**

Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**SEPTEMBER 2002**

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : .....



Nama Penulis : .....

MAZLINA BT. HARUN

Tarikh : .....

24/9/2002



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## ISTIMEWA BUAT...

### *Abah dan Ma Tersayang*

*Harun bin Yusoff dan Rugayah bt.Hussein*

*"Terima kasih yang tidak terhingga buat ayahanda dan bonda di atas segala pengorbanan dan sokongan yang diberikan selama ini. Sesungguhnya jasa kalian berdua amat anakanda hargai dan terimalah Kejayaan ini sebagai tanda terima kasih anakanda kepada kalian."*

## BUAT...

### *Abang Yang Dikasih*

*Mazlan bin Harun*

*"Terima kasih di atas segala sokongan dan nasihat yang diberikan. Sesungguhnya segala sokongan dan nasihat yang diberikan menjadi pendorong kejayaan ini."*

## Untuk...

### *Adik-adik Yang Dikasih*

*Mohd Yusoff, Napisah, Zulkifli, Nor Aini, Hisyam, Marzuki dan Syariffudin*

*"Anggaplah kejayaan kakak ini sebagai dorongan untuk kalian mencapai kejayaan yang lebih cemerlang kelak. Sesungguhnya tiada jalan mudah untuk mencapai sebuah kejayaan."*



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, saya telah diberi kesempatan untuk menyiapkan laporan Projek Sarjana ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakannya.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada En. Mohd Yusop Bin Ab.Hadi selaku pensyarah pembimbing saya dalam menyiapkan kajian saya ini. Sesungguhnya segala ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan amat berguna dan sangat-sangat dihargai.

Tidak lupa juga diucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Pembangunan Sumber Manusia dan pekerja-pekerja di kilang-kilang kajian saya iaitu Kilang Fujitsu Component(M) Sdn. Bhd, Kilang Sharp Roxy dan Kilang SKP Ind.(M) Sdn. Bhd di atas kesudian dan kerjasama kalian dalam memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Buat semua pensyarah, di Jabatan Teknologi Kejuruteraan, ucapan terima kasih diucapkan. Semoga ilmu yang dicurahkan diberkati olehNya.

Buat semua teman-teman seperjuangan yang sering memberi semangat dan dorongan, terima kasih di atas segala bantuan yang diberikan. Akhir sekali, diucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat tidak kira sama ada secara langsung ataupun tidak. Semoga kita semua diberkati dan dirahmati Allah di dunia dan akhirat kelak. Insyaallah....

## ABSTRAK

Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengenalpasti peluang kerjaya lepasan SPMV yang mempunyai kemahiran dalam bidang elektrik dan elektronik di sektor industri, adakah kemahiran yang dimiliki tersebut dapat memenuhi permintaan pasaran pekerjaan dan untuk mengetahui bagaimanakah responden mendapat maklumat mengenai kerjaya seterusnya membina satu carta aliran kerjaya sebagai rujukan kepada lepasan SPMV untuk menceburkan diri dalam bidang pekerjaan di sektor industri. Kajian ini dijalankan ke atas pekerja-pekerja yang bekerja di tiga buah kilang elektrik dan elektronik yang terletak di daerah Batu Pahat iaitu Kilang Fujitsu Component(M) Sdn. Bhd, Kilang Sharp Roxy dan Kilang SKP Ind (M) Sdn. Bhd. Daripada jumlah populasi di setiap kilang kajian tersebut, seramai 44 orang pekerja telah dipilih sebagai sampel di kilang Fujitsu, 52 orang di kilang Sharp Roxy dan 32 orang di kilang SKP. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan perisian excel dan SPSS bagi memperolehi nilai kekerapan, peratusan, dan min. Seterusnya dapatan kajian yang diperolehi, dipersembahkan dalam bentuk jadual dan histogram di mana dapatan kajian mendapati bahawa pekerjaan yang paling dominan dan sesuai bagi lepasan SPMV adalah juruteknik, penjaga mesin dan operator. Hasil daripada kajian ini, menunjukkan bahawa lepasan SPMV amat diperlukan dalam sektor industri perkilangan elektrik dan elektronik. Namun mereka masih belum mengetahui tentang maklumat kerjaya dan laluan kerjaya yang boleh diceburi dengan jelas. Justeru itu, bagi memastikan lebih ramai lepasan SPMV berpeluang menceburi bidang kerjaya di sektor industri, carta aliran kerjaya telah dibina bagi memberi pengetahuan kepada mereka tentang laluan-laluan kerjaya yang perlu dilalui.

## ABSTRACT

This research was conducted to know the career opportunity for SPMV leavers in electric and electronic sector, whether the skill that they get through their study fulfill the market demand and to know how the respondent get the information about the career, therefore flow chart towards the career was build for the SPMV leavers for their information. Three electric and electronic factory was selected on Batu Pahat district known as Fujitsu Component(M) Sdn Bhd, Sharp Roxy and SKP Ind(M) Sdn Bhd. There are 44 workers selected as sample from Fujitsu, 52 from Sharp Roxy and 32 from SKP factory among the population of each factory. Questionnaire has been chosen as an instrument to get the data. Data was analyze using Excell and SPSS in order to get the frequency, percentage and mean. The result was formed in table and histogram that shows the dominant occupation suite the SPMV leavers was technician, machine operator and operator. The result shows that SPMV leavers was needed electric and electronic sector. Eventhough they did not know the career path in this sector. Therefore the flow chart have been build to give an idea for the SPMV leavers to choose their career in the future.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1 - 2
	1.2 Skop Kajian	3
	1.3 Latar Belakang Masalah	3 - 5
	1.4 Pernyataan Masalah	5 - 6
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Persoalan Kajian	7
	1.7 Kerangka Teori	8
	1.8 Kepentingan Kajian	9
	1.9 Definisi	10 – 11



**BAB I**

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH  
 UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN

## **BAB II SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Pendidikan Vokasional	13
2.3	Kemahiran Untuk Kerjaya	13 - 16
2.4	Kurikulum Sekolah Aliran Vokasional	16 - 17
2.5	Latihan Vokasional	17 - 18
2.6	Jenis-jenis Kerjaya	18

## **BAB III METADOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	19
3.2	Rekabentuk Kajian	20
3.3	Sampel Kajian	20 - 21
3.4	Instrumen Kajian	21 - 22
3.5	Kajian Rintis	22 - 23
3.6	Prosedur Kajian	24 - 25
3.7	Analisis data	26
3.8	Batasan Kajian	27

## **BAB IV REKABENTUK PRODUK**

4.1	Pengenalan	28
4.2	Objektif Penghasilan Carta Aliran	29
4.3	Bentuk dan Ciri-ciri Carta Aliran	29
4.4	Kronologi Pembinaan Carta Aliran	30 - 31
4.5	Permasalahan Membina Carta Aliran	31 - 32
4.6	Bahan, Kos dan Masa Membina Carta Aliran	32
4.7	Sasaran Pengguna Carta Aliran	32
4.8	Penilaian Carta Aliran	33

## **BAB V      TEMUAN KAJIAN DAN PERUMUSAN HASIL KAJIAN**

5.1	Pengenalan	34 – 35
5.2	Analisis Bahagian A	35 – 43
5.3	Analisis Bahagian B	44 – 55
5.4	Analisis Bahagian C	56 – 63

## **BAB VI      KESIMPULAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

6.1	Pengenalan	64
6.2	Perbincangan	
6.2.1	Bahagian A	65 – 66
6.2.2	Bahagian B	67 – 71
6.2.3	Bahagian C	71 – 74
6.3	Rumusan	74 – 75
6.4	Cadangan	
6.4.1	Saranan Kajian	75 – 76
6.4.2	Saranan Penggunaan Carta Aliran	76
6.4.3	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	77

<b>BIBLIOGRAFI</b>	78 – 81
--------------------	---------

### **LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN A – G</b>	82 – 97
-----------------------	---------

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Nilai skor berdasarkan darjah persetujuan	22
3.2	Analisis nilai kebolehpercayaan soalan	23
3.3	Jadual prosedur kajian	25
5.1	Edaran dan penerimaan borang soal selidik	35
5.2	Bilangan responden mengikut jantina di setiap kilang	36
5.3	Bilangan responden mengikut keturunan	37
5.4	Umur responden yang terlibat	38
5.5	Pengalaman kerja responden	39
5.6	Bilangan responden yang mempunyai kemahiran	40
5.7	Bilangan responden mengikut jenis kerjaya	41
5.8	Kesesuaian kemahiran dengan pekerjaan	42
5.9	Skor min bagi ukuran tahap persetujuan	44
5.10	Bekerja selepas tamat SPMV	45
5.11	Peluang kerja yang mudah	46
5.12	Lepasan SPMV lebih mudah mendapat pekerjaan di sektor industri	47
5.13	Pernah mendapat tawaran pekerjaan di sektor industri lain	47
5.14	Kemahiran yang dimiliki amat diperlukan dalam pekerjaan	48
5.15	Pekerjaan sekarang lebih memerlukan kemahiran berbanding akademik	48
5.16	Majikan lebih mengutamakan kemahiran pekerja	49
5.17	Kemahiran yang dimiliki dapat mempercepatkan kerja	49
5.18	Kemahiran dapat meningkatkan keberkesanan kerja	50
5.19	Perlu mengikuti latihan industri sebelum bekerja	50

5.20	Lepasan SPMV perlu sentiasa menjalani latihan industri untuk kenaikan pangkat	51
5.21	Lepasan SPMV lebih diperlukan majikan berbanding Lepasan SPM	51
5.22	Pihak kilang sentiasa menganjurkan kursus kemahiran	52
5.23	Peluang pekerjaan untuk lepasan SPMV adalah luas	52
5.24	Banyak peluang pekerjaan memerlukan kemahiran elektrik dan elektronik	53
5.25	Min keseluruhan bahagian B	54
5.26	Skor min bagi ukuran tahap persetujuan	56
5.27	Mengetahui maklumat kerjaya melalui guru di sekolah	57
5.28	Mengetahui maklumat kerjaya melalui suratkhbar	58
5.29	Mengetahui maklumat kerjaya melalui rancangan bimbingan kerjaya	58
5.30	Mengetahui maklumat kerjaya melalui rakan dan keluarga	59
5.31	Mengetahui maklumat kerjaya melalui ceramah kerjaya	59
5.32	Mengetahui maklumat kerjaya melalui internet	60
5.33	Mengetahui maklumat kerjaya melalui risalah kerjaya	60
5.34	Mengetahui maklumat kerjaya melalui kursus kerjaya	61
5.35	Kursus kemahiran yang berterusan di tempat kerja adalah penting	61
5.36	Jawatan yang lebih tinggi memerlukan pekerja yang berpengalaman	62
5.37	Min keseluruhan bahagian C	63



**SENARAI RAJAH**

<b>NO RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
5.1	Peratusan responden mengikut jantina	36
5.2	Peratusan responden mengikut keturunan	37
5.3	Peratusan responden mengikut umur	38
5.4	Peratusan responden mengikut pengalaman kerja	39
5.5	Peratusan responden mengikut bidang kemahiran	40
5.6	Peratusan responden mengikut jenis kerjaya	41
5.7	Kesesuaian kemahiran dengan kerjaya	42
5.8	Taburan min bagi setiap item bahagian B	53
5.9	Taburan min bagi setiap item bahagian C	62



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Carta Aliran Kerjaya	82
B	Borang Soal Selidik	83 - 87
C	Descriptives Statistics (SPSS)	88 – 93
D	Jadual Penetapan Bilangan Sampel	94
E	Surat Kebenaran (Kilang Fujitsu)	95
F	Surat Kebenaran (Kilang Sharp Roxy)	96
G	Surat Kebenaran (Kilang SKP)	97



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Dalam sistem pendidikan kebangsaan, pendidikan vokasional mempunyai fungsi yang tersendiri. Ia mempelbagaikan sistem pendidikan yang bercorak akademik dan memberi peluang kepada golongan pelajar tertentu untuk mendapat pekerjaan di sektor perindustrian, perusahaan, pertanian, dan sektor-sektor yang berkaitan.

Pada amnya, perkembangan sistem pendidikan teknik dan vokasional (PTV) di Malaysia adalah bermula dengan penubuhan “Trade School” (Sekolah Ketukangan) pada tahun 1926 bagi tujuan pertukangan di Kuala Lumpur. Setelah “Trade School” mendapat sambutan yang baik, sekolah tersebut telah dikembangkan ke Ipoh pada tahun 1930, Johor Bahru pada tahun 1931 dan Pulau Pinang pada tahun 1932.

Sekolah ini pada asasnya menyediakan kemahiran pertukangan, baikpulih mesin, pendawaian elektrik dan pembinaan bangunan. Selepas Perang Dunia Kedua, pemerintah British telah mengubah “Trade School” kepada “Junior Technical Trade School” (Kementerian Pendidikan 1975). Selepas dicadangkan oleh Penyata Razak iaitu pada tahun 1956, Institut Teknik telah ditubuhkan bagi meneruskan sistem persekolahan ini. Pada tahun 1960 (Laporan Rahman Talib), peperiksaan untuk memasuki Sekolah Menengah Rendah telah dimansuhkan. Menurut Laporan Rahman Talib, pemansuhan ini

adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan persekolahan untuk anak-anak daripada ibubapa dan cadangan penambahan pendidikan teknik dan vokasional di peringkat menengah.

Pada tahun 1965, pendidikan komprehensif telah diperkenalkan di mana semua pelajar akan mendapat pendidikan am dan diberikan juga penekanan vokasional perindustrian, perdagangan, pertanian atau sains rumahtangga (Kementerian Pendidikan, 1992) Namun begitu, peningkatan pelajar dalam persekolahan menengah berlaku dengan cepat pada tahun 60-an yang mana ianya telah membebankan sistem persekolahan menengah.

Oleh itu dalam Rancangan Malaysia Pertama, suatu dasar yang cuba untuk mempersiapkan tenaga kerja telah digariskan di mana pelajar yang tamat persekolahan menengah dapat menceburi dunia pekerjaan. Oleh itu, pada tahun 1967, Sekolah Menengah Vokasional telah ditubuhkan bagi menggantikan "Trade School" (Kementerian Pendidikan 1975) yang berterusan sehinggalah pada tahun 1995 di mana ianya telah digabungkan dengan Sekolah Teknik dan memakai nama Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional.

Kewujudan aliran vokasional dalam sistem pendidikan vokasional ini banyak menyediakan kemahiran kepada para pelajar. Namun sejauhmanakah bidang kemahiran tersebut diperlukan dalam sektor pekerjaan pada masa kini. Justeru itu, kajian ini dibuat bagi mengkaji peluang pekerjaan bagi lepasan SPMV dalam bidang elektrik dan elektronik di sektor industri perkilangan.

## 1.2 Skop Kajian

Kajian ini difokuskan kepada 3 buah kilang yang berasaskan elektrik dan elektronik yang terletak di daerah Batu Pahat. Pekerjaan tersebut dikaji memandangkan kebanyakan sektor perkilangan di daerah Batu Pahat adalah lebih tertumpu kepada bidang elektrik dan elektronik.

## 1.3 Latar Belakang Masalah

Sebagaimana yang telah diketahui, Wawasan 2020 telah meletakkan sasaran negara untuk menjadikan perindustrian sebagai teras kepada pembangunan negara. Oleh itu jelaslah betapa pentingnya keperluan sumber manusia ini kepada pembangunan negara di mana ianya turut merupakan satu cabaran besar kepada latihan teknik dan vokasional sebagaimana menurut pandangan Siti Maspiyah dan Nor Azizah (1995) iaitu:

*"Pendidikan vokasional semakin penting dalam era pembangunan ekonomi dan sosial negara. Di mana-mana negara yang sedang pesat membangun, keperluan tenaga mahir dan separa mahir amat diperlukan bagi menentukan kesinambungan pembangunan negara. Ini kerana mereka adalah teras pembangunan".*

Permintaan yang semakin meningkat dalam bidang teknikal dan vokasional dalam sistem pendidikan negara membuktikan ia mempunyai prospek yang cerah dalam pasaran kerjaya. Ia berlaku berikutan penekanan yang diberikan oleh kerajaan dalam kedua-dua bidang berkenaan. Perlantikan Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak sebagai Menteri Pendidikan pada pertengahan tahun 1995 membuka era dalam sistem pendidikan negara (Yahya Emat, 1993).

Di samping itu, latihan kemahiran yang diajar dalam aliran vokasional juga merupakan satu perkara penting dan amat diperlukan dalam arus pembangunan global hari ini di mana tenaga kerja mahir adalah diperlukan dalam sektor-sektor pekerjaan masa kini, sama ada di sektor awam mahupun di sektor swasta. Jika dilihat fenomena pada hari ini, apa jua sektor pekerjaan yang wujud, rata-ratanya memerlukan tenaga kerja mahir untuk menerajuinya terutamanya dalam sektor industri perkilangan yang berasaskan elektrik dan elektronik.

Permasalahannya ialah, adakah bidang kemahiran elektrik dan elektronik yang diterima oleh pelajar lepasan SPMV dapat memenuhi permintaan pasaran pekerjaan masa kini. Ini kerana memandangkan pelajar lepasan SPMV hanya berbekalkan kemahiran sahaja tanpa mempunyai kelayakan akademik yang tinggi.

Pelbagai usaha telah dibuat bagi membantu belia-belia menceburi peluang-peluang pekerjaan dan membina kerjaya di bidang tertentu. Institusi pendidikan dan latihan sama ada di peringkat menengah dan tinggi memainkan peranan utama di mana pendidikan vokasional yang dijalankan di peringkat menengah perlulah mengambil kira minat, keperluan dan kesanggupan pelajar-pelajar serta kebolehannya dalam sesuatu bidang. (Robiah Sidin, 1998)

Namun sehingga ke hari ini, masih timbul pelbagai masalah berkenaan dengan peluang kerjaya para pelajar lepasan SPMV di mana salah satu cabaran sistem PTV adalah kelemahan di dalam sistem latihan atau pendidikan teknik dan vokasional menyebabkan kurangnya tenaga mahir yang seterusnya menjejaskan kadar pertumbuhan industri dan pengeluaran nasional. Kenyataan ini turut dinyatakan oleh Siti Maspiyah dan Nor Azizah (1995) yang menyatakan bahawa PTV kurang melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang betul dan secukupnya untuk pekerjaan kerana tidak ada perhubungan dengan suasana kerja.

Memetik kenyataan yang dikeluarkan oleh akhbar The Star (1993) iaitu:

*“Germany where nearly 70% of all school leavers further move through a system of vocational education and training called the Dual System where vocational training constitutes 75% of syllabus with theoretical training and general education making up the remaining 25%”*

Fenomena di atas telah menguatkan lagi hasrat negara untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir dan separa mahir dalam mencapai matlamat negara untuk menjadikan negara sebuah negara yang maju seperti negara Jerman.

Oleh yang demikian, penyelidik telah mengkaji sejauhmanakah latihan kemahiran yang diterima oleh pelajar lepasan SPMV dalam bidang elektrik dan elektronik memenuhi peluang pekerjaan di pasaran.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Setiap kerjaya yang ada di pasaran buruh memerlukan kelulusan yang sesuai. Dalam proses menuju ke arah negara industri, Malaysia memerlukan ramai pekerja yang mahir dalam bidang-bidang teknik dan vokasional. Menurut Shahril dan rakan-rakan (1993), aliran vokasional adalah bertujuan melahirkan pelajar yang cenderung kepada bidang kemahiran di mana bidang kursus yang ditawarkan adalah bagi membolehkan pelajar mendapat pengetahuan asas kemahiran untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan sebagai tenaga mahir dan separa mahir khususnya dalam sektor perindustrian, pertanian dan perdagangan.

Kerajaan juga sememangnya memberi penekanan yang tinggi terhadap pembangunan sumber manusia kerana kerajaan percaya bahawa rakyat itu sendiri merupakan aset dan sumber paling penting. Namun perkara tersebut kurang disedari oleh para pelajar lulusan aliran vokasional yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT disebabkan kurangnya pendedahan maklumat mengenai kerjaya sebagaimana menurut Loyd dan Aminah (1987) yang menegaskan bahawa pelajar harus diberikan maklumat-maklumat penting mengenai kerjaya.

Kekurangan maklumat mengenai kerjaya juga menyebabkan para belia lambat tampil ke depan merebut peluang pekerjaan yang ada di pasaran. Ini kerana maklumat-maklumat kerjaya masih belum diedarkan secara agresif dan berterusan baik di sekolah-sekolah, di pusat-pusat belia mahupun di institusi-institusi pengajian lepasan sekolah. (Robiah Sidin, 1998).

Justeru itu, kajian terhadap peluang kerjaya bagi lepasan SPMV dalam bidang elektrik dan elektronik di sektor industri adalah perlu dijalankan bagi mengenalpasti peluang kerjaya yang wujud di pasaran yang sesuai dengan kelulusan mereka serta menghasilkan carta aliran kerjaya sebagai panduan kepada lepasan SPMV untuk menceburi pekerjaan tersebut.



## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:-

1. Mengenalpasti apakah jenis-jenis pekerjaan yang memerlukan kemahiran vokasional dalam bidang elektrik dan elektronik di kilang-kilang kajian.
2. Mengetahui adakah bidang kemahiran elektrik dan elektronik yang dimiliki oleh pelajar lepasan SPMV dapat memenuhi permintaan pasaran pekerjaan.
3. Mengetahui bagaimanakah responden mendapat maklumat berkenaan kerjaya yang diceburi.
4. Membina carta aliran kerjaya bagi lepasan SPMV.

## 1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:-


1. Apakah peluang-peluang kerjaya yang melibatkan kemahiran vokasional dalam bidang elektrik dan elektronik di sektor industri perkilangan di Daerah Batu Pahat?
2. Sejauhmanakah bidang kemahiran yang dimiliki oleh pelajar lepasan vokasional memenuhi permintaan pasaran pekerjaan?
3. Bagaimanakah pelajar lepasan SPMV mendapat maklumat-maklumat kerjaya dan laluan-laluan kerjaya yang disandang?



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.7 Kerangka Teori

Kerangka teori bagi menghasilkan carta aliran kerjaya adalah seperti berikut:-



Maklumat daripada ketiga-tiga kilang tersebut akan digunakan untuk mengetahui jenis pekerjaan yang paling dominan. Carta laluan kerjaya dihasilkan sebagai panduan kepada pelajar lepasan vokasional khususnya dalam bidang elektrik dan elektronik.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan bagi kajian ini adalah:-

- i) Hasil kajian ini dapat membantu Kementerian Sumber Manusia untuk mengesyorkan jenis-jenis peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran para pelajar aliran vokasional diwujudkan.
- ii) Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu Kementerian Pendidikan untuk mengkaji semula kurikulum serta kemahiran yang diajar di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional (aliran vokasional) samada ianya memenuhi pasaran pekerjaan atau tidak.
- iii) Kementerian Pendidikan juga boleh menggiatkan usaha dalam memastikan pihak sekolah menyalurkan maklumat-maklumat kerjaya kepada pelajar.
- iv) Kajian ini boleh memberikan pengetahuan kepada pelajar lepasan SPMV mengenai laluan kerjaya yang boleh diceburi.



## 1.9 Definisi

Definisi yang digunakan dalam kajian ini adalah:-

### 1) Peluang

Di dalam kajian ini, peluang merujuk kepada kelapangan dan kesempatan lepasan SPMV untuk menceburkan diri dalam pekerjaan yang melibatkan kemahiran.

### 2) Kerjaya

Kerjaya yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kerjaya yang melibatkan kemahiran elektrik dan elektronik di sektor industri.

### 3) Lulusan SPMV

Dalam kajian ini, lulusan yang dimaksudkan ialah pelajar yang sudah tamat SPMV dalam bidang elektrik dan elektronik.

### 4) Aliran Pendidikan Teknik

Aliran pendidikan teknik dalam kajian ini adalah merujuk kepada pendidikan yang lebih menjurus untuk membentuk pelajar yang mempunyai penguasaan sains dan teknologi ke arah melahirkan pelajar yang berprofesionalisme.

## 5) Aliran Pendidikan Vokasional

Aliran pendidikan vokasional adalah pendidikan yang bertujuan membolehkan pelajar mendapatkan pengetahuan asas vokasional supaya mereka mendapat pekerjaan sebagai tenaga mahir dan separa mahir dalam sektor industri perkilangan yang berasaskan elektrik dan elektronik.

## 6) Elektrik

Dalam kajian ini elektrik merujuk kepada pekerjaan yang melibatkan penggunaan tenaga elektrik.

## 7) Elektronik

Dalam kajian ini, elektronik merujuk kepada pekerjaan yang melibatkan penggunaan komponen-komponen atau alat teknologi elektron.

## 8) Pekerja Mahir

Dalam kajian ini, pekerja mahir merupakan pekerja yang mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dalam sesuatu bidang elektrik dan elektronik.

## 9) Pekerja Separa Mahir

Pekerja separa mahir dalam kajian ini merujuk kepada pekerja yang menjalani latihan jangka pendek atau kursus kemahiran dalam bidang elektrik dan elektronik.

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan matlamat negara untuk mencapai taraf sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Matlamat tersebut juga secara tidak langsung telah meletakkan sasaran negara untuk menjadikan sektor perindustrian sebagai teras kepada pembangunan negara. Di samping itu, matlamat serta perjuangan dasar pembentukan umat dan generasi hari ini juga lebih menjurus kepada penumpuan pembentukan dan melahirkan generasi berpotensi, seimbang dan harmoni yang dijangkakan akan mampu bersaing untuk menghadapi segala cabaran pada hari ini dan masa-masa akan datang.

Pembangunan negara yang pesat dalam bidang teknologi hari ini merupakan salah satu cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh rakyat negara kita. Namun begitu, segala cabaran tersebut hanya dapat diatasi sekiranya negara dapat melahirkan golongan yang berkemahiran dalam bidang teknologi. Ini kerana sesuatu bidang kerjaya memerlukan kemahiran yang sesuai dari pekerjaanya. Justeru itu adalah amat penting untuk memastikan kemahiran dan latihan yang diperolehi oleh pelajar dalam aliran vokasional di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional dapat memenuhi permintaan sumber tenaga kerja nanti.

## 2.2 Pendidikan Vokasional

Pendidikan vokasional merupakan pendidikan untuk pekerjaan yang merangkumi pelbagai tahap pendidikan termasuklah ikhtisas. Namun demikian, pada kebiasaannya pendidikan di tahap ikhtisas ini disebut latihan profesional. Menurut Shahril dan rakan-rakan (1993), matapelajaran vokasional adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cenderung kepada bidang vokasional di peringkat menengah atas di mana bidang kursus yang ditawarkan adalah bagi membolehkan pelajar mendapatkan pengetahuan asas vokasional supaya dapat memudahkan mereka mendapatkan pekerjaan sebagai tenaga kerja mahir dan separuh mahir dalam sektor perindustrian.

Kajian terdahulu terhadap faedah pendidikan vokasional telah membuktikan bahawa lepasan vokasional mempunyai peluang yang lebih cerah dalam pekerjaan berbanding dengan lepasan akademik. (Hu and Stromsdorfer, 1979). Kajian tersebut turut disokong oleh Gardner, Campbell and Seitz, 1982, di mana mereka menyatakan bahawa pelajar lepasan vokasional amat diperlukan dalam sektor pekerjaan berbanding dengan lepasan yang tidak mempunyai asas vokasional.

## 2.3 Kemahiran Untuk Kerjaya

Corak pendidikan yang menyediakan kemahiran kepada pelajar adalah penting dalam memenuhi sumber manusia dalam era pembangunan negara hari ini seperti mana menurut pandangan Siti Maspiah dan Nor Azizah (1995), "Pendidikan Vokasional semakin penting dalam era pembangunan ekonomi dan sosial negara di mana rata-rata negara yang sedang pesat membangun, keperluan tenaga profesional dan separa profesional amat diperlukan bagi menentukan kesinambungan pembangunan negara. Ini kerana mereka adalah teras pembangunan."

Pendidikan vokasional dan teknik merupakan teras kejayaan dalam bidang industri bagi Jerman dan Jepun. Inovasi dan keunggulan orang Jerman dan Jepun dalam bidang kejuruteraan banyak bergantung kepada kejayaan sistem pendidikannya yang berteraskan teknik dan vokasional. (Majdan Yahya, 2002).

Menurut Mahathir (1991) pula daya saing dan produktiviti industri adalah bergantung kepada adanya tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan bermotivasi tinggi di mana Malaysia mestilah memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada pembangunan sumber yang penting ini. Dengan kata lain, strategi pembangunan ini menegaskan bahawa pentingnya penyesuaian terhadap sistem pendidikan vokasional untuk melahirkan tenaga kerja yang cekap dan efisien.

Penegasan tersebut juga telah dinyatakan dalam pernyataan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP, 1991) iaitu "Perhatian yang lebih akan diberi dalam memastikan sistem pendidikan selaras dengan perubahan permintaan dan pasaran buruh. Kawalan yang lebih rapi terhadap sistem pendidikan dan latihan serta usaha-usaha bagi memperbaiki lagi kurikulum akan dilaksanakan untuk memastikan kemahiran yang diajar adalah sesuai dengan keperluan industri."

Dalam negara yang berasaskan perindustrian, kerajaan perlulah berusaha dalam melahirkan individu yang berkemahiran untuk meningkatkan produktiviti pekerja supaya dapat memperbaiki ekonomi negara. (Ashton and Green, 1996)

Memetik kenyataan yang ditulis oleh Barbara Moses PH.D di dalam bukunya yang bertajuk *Career Intelligence* (1998) iaitu:

*"Now, organizations have expectations of people having skills that could be quickly learned on the job or acquired in an evening course."*

Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa sesebuah organisasi pekerjaan pada masa sekarang lebih mementingkan pekerja yang berkemahiran untuk menceburi sesuatu



jenis pekerjaan. Kenyataan tersebut turut disokong oleh ketua pengarah Jabatan Tenaga Rakyat Mohd Nawi (2000) yang menyatakan bahawa lepasan vokasional mempunyai pasaran yang meluas dalam bidang pekerjaan.

Di dalam era pembangunan yang serba mencabar ini, pelajar yang berkemahiran mempunyai kelebihan di mana menurut Pengarah Persijilan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), Pang (2001) "Lepasan aliran vokasional adalah berpeluang menyertai sektor kerjaya yang menarik berbanding lepasan aliran akademik dan mempunyai laluan peningkatan kepada kedudukan yang lebih baik. Menurut beliau lagi, pekerja yang mempunyai kemahiran khusus akan dikekalkan dalam sesuatu organisasi semasa kegawatan ekonomi baru-baru ini kerana pekerja mahir adalah nadi kepada operasi syarikat.

Dalam erti kata lain, pelajar lepasan vokasional lebih diperlukan dalam sektor pekerjaan berbanding pelajar lepasan akademik di mana majikan juga lebih mengutamakan bakal pekerja yang mempunyai kemahiran sekiranya ingin mengambil pekerja baru. Ini kerana ianya dapat menjimatkan kos syarikat di mana syarikat tidak perlu menyediakan latihan tambahan untuk kakitangan baru. Justeru itu aliran vokasional merupakan alternatif terbaik kepada lepasan sekolah SPMV untuk menceburkan diri dalam sektor pekerjaan.

Terdapat pelbagai bidang kemahiran yang boleh diceburi oleh pelajar teknik dan vokasional serta lepasan sekolah antaranya kemahiran peralatan elektronik industri, penerap bata, tukang paip, tukang kayu dan tanggam, pembuat perabot, tukang kimpal arca, mekanik am, mekanik kenderaan motor, pemasin am. (Roslan Januari 2002).

Dalam kajian yang dibuat terhadap sektor perkilangan di Amerika Syarikat, menunjukkan bahawa keputusan yang dibuat oleh pekerja yang berkemahiran adalah amat penting. (Bishop 1995). Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penglibatan pekerja yang berkemahiran adalah amat penting dalam sektor perkilangan.

Di samping itu juga, "American Association of Training and Development (ASTD)" telah membuat kajian terhadap pasaran buruh di Amerika Syarikat di mana kajian tersebut menunjukkan bahawa pekerja yang mempunyai kemahiran dalam pendidikan vokasional adalah kumpulan yang terbesar dalam pasaran buruh iaitu 57% di mana daripada jumlah tersebut, 24.74% merupakan pekerja yang bekerja sebagai juruteknik. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa pekerja yang mempunyai kemahiran vokasional adalah amat penting dalam sesuatu sektor industri terutamanya sektor perkilangan. Ini kerana menurut Wall & Passmore (1997), juruteknik adalah diperlukan bagi menggerakkan sesebuah kilang.

Selain daripada itu, sesetengah ahli ekonomi juga telah mencadangkan agar sesebuah negara dapat membangunkan ekonomi baru yang diawasi oleh juruteknik yang berkemahiran. (Perkins 2000) Keadaan ini jelas menunjukkan pentingnya kemahiran dalam sesuatu kerjaya yang diceburi.

#### **2.4 Kurikulum Sekolah Aliran Vokasional**

Dalam Rancangan Malaysia Keenam (RME) 1991-1995 menyatakan tentang pertalian pendidikan dengan pekerjaan. Antara lain, tujuan pendidikan ialah untuk melatih tenaga manusia di sektor-sektor tertentu. Rancangan Malaysia Keenam juga menggariskan tentang perlunya kurikulum pendidikan vokasional disusun semula supaya lebih sesuai dengan pelbagai jenis pekerjaan yang memerlukan pertambahan pekerja di semua tahap.

Justeru itu, jika dilihat kepada pelajar-pelajar yang memasuki aliran vokasional, mereka akan dijuruskan mengikut kursus-kursus yang dipohon yang bersesuaian dengan pekerjaan yang diperlukan di pasaran sekarang. Kursus-kursus tersebut dibahagikan mengikut bidang-bidang seperti ketukangan kejuruteraan, Ekonomi Rumah Tangga, Pengurusan Perniagaan dan Pertanian. Para pelajar akan mengikuti kursus vokasional di

samping mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral.

Dalam bidang ketukangan kejuruteraan, mata pelajaran kursus yang wajib diambil oleh pelajar kursus Elektrik adalah seperti Teknologi Elektrik, Pemasangan dan Kawalan Elektrik dan Lukisan Geometri dan Elektrik manakala bagi kursus Elektronik pula adalah Teknologi Elektronik, Menservis Radio dan Televisyen dan Lukisan Geometri dan Elektronik.

## 2.5 Latihan Vokasional

Latihan vokasional merupakan salah satu pilihan yang baik dalam pembinaan dan pembangunan kerjaya generasi muda kita. Kualiti para pekerja merupakan elemen yang sangat penting dalam menentukan kejayaan dan kemakmuran ekonomi sesebuah negara. (Roslan, Januari 2002).

Menurut Yahya (1993), kualiti kemahiran dan kursus yang ditawarkan haruslah ditingkatkan yang mana tenaga pengajar pendidikan vokasional perlulah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengetahuan terkini, berorientasikan industri dan berpengalaman kerja dalam industri.

Memetik kenyataan Gary Dessler dalam bukunya yang bertajuk *Essentials of Human Resource Management* (1999) iaitu:

*“One of the popular training is on-the-job training. The most familiar is the coaching or understudy method in which the employee is trained on the job by an experienced worker or the trainee’s supervisor. At lower levels, trainees may acquire skills for, say, running a machine by observing the supervisor.”*

Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa latihan yang paling banyak dijalankan adalah latihan di tempat kerja di mana pelatih menjalankan latihan kemahiran sambil diperhatikan oleh penyelia. Latihan sebegini dapat meningkatkan kemahiran pekerja dengan cepat.

Dalam tinjauan yang dibuat terhadap pekerja di Amerika syarikat dalam 13 sektor industri yang terbesar, menunjukkan bahawa 10 daripada 13 sektor tersebut adalah memerlukan pekerja yang mempunyai latihan vokasional (Stern 1992). Keadaan ini menunjukkan bahawa latihan vokasional adalah amat penting bagi seseorang yang ingin bekerja di sektor industri.

## 2.6 Jenis-jenis Kerjaya

Bidang kerjaya yang berasaskan kemahiran yang diperlukan oleh negara pada masa kini adalah bidang kemahiran dalam industri permotoran, industri elektrik, industri teknologi komunikasi dan maklumat, industri gas, industri pengeluaran, industri perkapalan dan beberapa bidang lain. (Roslan, Januari 2002)

Dengan pelbagai kemahiran yang diperolehi dan diterima di sekolah aliran vokasional, para pelajar dapat menceburkan diri dalam pelbagai bidang kerjaya sebagaimana menurut Shahril dan rakan-rakan (1993), bidang kursus yang ditawarkan di sekolah aliran vokasional adalah untuk membolehkan pelajar mendapatkan pekerjaan sebagai tenaga mahir dan separuh mahir dalam sektor perindustrian, perdagangan dan pertanian di mana ianya adalah sesuai dan bertepatan dengan kemahiran yang dipelajari di sekolah tersebut. Walaupun ramai pelajar yang tidak menyedari wujudnya peluang pekerjaan untuk diceburi disebabkan kurangnya maklumat-maklumat kerjaya tersebut, namun pelajar lepasan aliran vokasional amat bertuah kerana mempunyai peluang yang luas dalam bidang kerjaya terutamanya dalam sektor perindustrian.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan berkenaan dengan prosedur dan metodologi atau kaedah yang digunakan bagi merealisasikan kajian iaitu:-

- a. Rekabentuk Kajian
- b. Sampel Kajian
- c. Instrumen Kajian
- d. Kajian Rintis
- e. Prosedur Kajian
- f. Analisis Data
- g. Batasan kajian



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan iaitu penyelidik akan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Penyelidik menggunakan kaedah tinjauan kerana menurut Cohen dan Manian (1985) dalam Mohd Najib (1999),

*“ kaedah tinjauan merupakan kaedah pengambilan data dalam satu masa tertentu sahaja, selalunya menggunakan soal selidik. Penyelidik hanya ‘meninjau’ situasi pada suatu masa dan ini seolah satu ‘foto snapshot’ sesuatu peristiwa. Ia dapat menerangkan kaitan lanjutan kecuali pola pada satu-satu peringkat masa sahaja.”*

Dalam kajian ini penyelidik mengkaji peluang-peluang kerjaya yang melibatkan kemahiran dalam bidang elektrik dan elektronik dalam sektor industri perkilangan di daerah Batu Pahat. Daripada kajian ini juga, penyelidik akan membina satu carta aliran kerjaya bagi pekerjaan yang paling dominan di kilang kajian. Justeru itu, bagi mendapatkan maklumat atau data mengenai pembolehubah-pembolehubah yang dikaji, penyelidik akan mengedarkan borang soal selidik kepada kakitangan kilang yang terlibat dalam bidang kemahiran elektrik dan elektronik.

### 3.3 Sampel Kajian

Sampel merupakan sumber untuk mendapatkan data. Sampel bagi kajian ini ialah 3 buah kilang elektrik dan elektronik yang terletak di daerah Batu Pahat iaitu kilang Fujitsu, kilang Sharp Roxy dan kilang SKP. yang terletak di daerah Batu Pahat. Sampel adalah terdiri daripada pekerja yang mempunyai SPMV dalam bidang elektrik dan elektronik yang bekerja dalam pelbagai bidang kemahiran elektrik dan elektronik di kilang-kilang tersebut.

Bagi kajian ini bilangan sampel di setiap kilang kajian diambil berdasarkan kepada jadual “Kiejcie, R.V. & Morgan, D.W (1981)”. Dalam kajian ini, jumlah populasi adalah 52 orang di kilang Fujitsu, 60 orang di kilang Sharp Roxy dan 38 orang di kilang SKP. Daripada jumlah populasi tersebut, seramai 44 sampel telah diambil di kilang Fujitsu, 52 sampel di kilang Sharp Roxy dan 32 sampel di kilang SKP. Oleh yang demikian jumlah keseluruhan sampel yang diambil adalah seramai 128 orang.

### 3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Menurut Abdul Fatah (1986), soal selidik adalah satu instrumen yang lazim digunakan dalam kajian berbentuk tinjauan. Kelebihan kaedah ini adalah responden hanya memerlukan masa yang singkat sahaja untuk menjawab soal selidik tersebut iaitu dalam masa yang ditetapkan oleh penyelidik iaitu selama 30 minit. Ianya adalah bagi menjamin jawapan responden tidak dipengaruhi oleh orang lain.

Soalan-soalan yang dibentuk dalam soal selidik tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan dengan latar belakang responden dan jenis-jenis pekerjaan yang memerlukan kemahiran elektrik dan elektronik. Bahagian B adalah soalan bagi mengetahui adakah bidang kemahiran elektrik dan elektronik yang dimiliki oleh lepasan SPMV dapat memenuhi permintaan pasaran pekerjaan dan bahagian C adalah bagi mengetahui bagaimanakah responden mendapat maklumat-maklumat mengenai kerjaya.

Sebanyak 15 soalan dibentuk dalam bahagian B dan 10 soalan dalam bahagian C di mana ianya dibentuk berasaskan kepada skala Likert yang mempunyai lima skala iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju seperti di bawah.

**Jadual 3.1 : Nilai skor berdasarkan darjah persetujuan**

Darjah Persetujuan	Skor
Sangat Setuju	5
Setuju	4
Tidak Pasti	3
Tidak Setuju	2
Sangat Tidak Setuju	1

Skala Likert digunakan untuk menjawab soalan di bahagian B dan C. Penyelidik menggunakan kaedah ini kerana bagi soalan yang dikemukakan terdapat situasi kemungkinan pemilihan jawapan adalah lebih daripada satu pilihan atau tidak terikat dengan pilihan sama ada 'ya' atau 'tidak'.

Mohd Majid (1990), menyatakan bahawa soal selidik kebanyakannya dibuat menggunakan skala Likert, dan ianya berasaskan kepada andaian bahawa keseluruhan markah gerak balas terhadap butir-butir yang dikaji memberikan pengukuran tertentu.

### 3.5

#### Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, satu kajian rintis telah dilaksanakan oleh penyelidik. Tujuan kajian rintis adalah untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item soal selidik. '*Alpha Cronbach*' digunakan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan soalan soal selidik. Menurut Mohd Najib (1999), '*Alpha Cronbach*' merupakan koefisien atau pekali kebolehpercayaan yang menunjukkan item-item kajian berhubung antara satu sama lain. Jika nilai yang dihasilkan adalah 0.6 dan 0.7 maka soal selidik itu boleh diterima dan jika melebihi 0.8, soalan tersebut adalah sangat baik. Perubahan akan dibuat kepada soalan-soalan yang tidak mencapai nilai kesahan dan kebolehpercayaan.



Justeru itu, kajian rintis telah dibuat ke atas 10 orang responden yang terdiri daripada pekerja kilang Fujitsu. Daripada Jadual 3.2, didapati bahawa nilai pekali kebolehppercayaan (ALPHA) bagi data kajian rintis ialah 0.7038. Ini bermakna semua item di dalam instrumen kajian soal selidik mempunyai nilai pekali yang melebihi 0.6, maka instrumen kajian boleh diterima.

**Jadual 3.2: Analisis nilai kebolehppercayaan soalan**

RELIABILITY ANALYSIS - SCALE (ALPHA)					
		Mean	Std Dev	Cases	
1.	S1	1.7000	.9487	10.0	
2.	S2	3.3000	1.4181	10.0	
3.	S3	3.2000	1.5492	10.0	
4.	S4	3.0000	1.5635	10.0	
5.	S5	2.9000	1.6633	10.0	
6.	S6	3.7000	1.4944	10.0	
7.	S7	3.1000	1.4491	10.0	
8.	S8	3.2000	1.7512	10.0	
9.	S9	4.2000	.9189	10.0	
10.	S10	2.8000	1.3166	10.0	
11.	S11	2.4000	.5164	10.0	
12.	S12	3.0000	1.3333	10.0	
13.	S13	2.8000	1.5492	10.0	
14.	S14	1.6000	1.2649	10.0	
15.	S15	2.5000	1.3540	10.0	
16.	S16	2.4000	1.4298	10.0	
17.	S17	2.8000	1.3166	10.0	
18.	S18	2.7000	2.0028	10.0	
19.	S19	2.2000	1.5492	10.0	
20.	S20	2.7000	1.4181	10.0	
21.	S21	2.9000	1.6633	10.0	
22.	S22	3.0000	1.7638	10.0	
23.	S23	4.2000	.4216	10.0	
24.	S24	4.1000	1.4491	10.0	
25.	S25	3.0000	1.7638	10.0	
<b>N of Cases = 10.0</b>					
Item Means Variance	Mean	Minimum	Maximum	Range	Max/Min
.4266	2.9360	1.6000	4.2000	2.6000	2.6250
Reliability Coefficients		25 items			
Alpha = .7038		Standardized item alpha = .7373			

### 3.6 Prosedur Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah mendapatkan surat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, KUiTTHO terlebih dahulu untuk pergi mendapatkan maklumat di kilang-kilang kajian. Setelah mendapat surat kebenaran tersebut, penyelidik telah pergi ke kilang dan berjumpa dengan pegawai di bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan menjelaskan tujuan dan cara kajian serta responden yang diperlukan.

Penyelidik juga meminta pegawai tersebut menetapkan tarikh yang sesuai bagi membolehkan penyelidik mengedarkan borang kaji selidik. Setelah menetapkan tarikh yang sesuai, penyelidik telah pergi ke kilang bagi mengedarkan borang kaji selidik dan pengkaji dapat menyelesaikan edaran dan pungutan data selama sehari sahaja. Soal selidik tersebut dipungut pada hari yang sama memandangkan responden yang dipilih dijangkakan dapat menjawab soalan tersebut dengan segera. Prosedur bagi kajian yang dijalankan ini dapat dilihat di dalam jadual 3.3 di bawah.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Fatah Abdul Malik (1986). "Memahami Penyelidikan Pendidikan. Satu Pengenalan." Kuala Lumpur: Universiti Pertanian Malaysia.
- Ahmad Esa (1997). "Ciri-ciri Guru Sebagai Pemimpin daripada Sudut Pandangan Pelajar: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Pasir Gudang (1)." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis.
- Arthur P. Loyd & Aminah Hashim (1987). "Bimbingan dan Kaunseling Di Malaysia." Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. 13 – 50
- Ashton, D and Green F (1996). "Education, Training And The Global Economy." London, Edward Elgar.
- Barbara Moses PH.D. (1998). "Career Intelligence: The 12 New Rules For Work And Life Success." San Francisco. Berrett-Koehler Publisher, Inc. 218
- Bishop, J. (1995). "Expertise and Excellence". Working Paper. 95 – 13. Center for Advanced Human Resource Studies. Ithaca, New York. Cornell University.
- Gardner, J. Campbell P.B & Seitz P (1982). "Influence of high school curriculum on determinants of labor market experiences." Columbus, OH. The Ohio State University, National Center For Research In Vocational Education (ERIC Document Reproduction Services No ED. 227. 306)
- Gary Dessler. (1999). "Essentials of Human Resource Management." Upper Saddle River, New Jersey. Prentice-Hall, Inc. 130

- Gati, I., Gavin, M & Osipow, S.H. (1995). "Gender Differences in Career Decision Making: The Content and Structure Preferences." *Journal of Counseling Psychology*. 204 – 216
- Hu, T.W & Stromsdorfer (1979). "Cost Benefit Analysis of Vocational Education In T Abramson, C. Kehr, & L. Cohen (Eds)." *Handbook of vocational Education Evaluation* (pp 195 – 216). Beverly Hills. CA Sage.
- Isahak Haron (1992). "Aliran Perkembangan Pendidikan dan Pembentukan Malaysia Sebagai Negara Industri dalam Abad Ke 21." Pidato Umum Aminuddin Baki Kali Ke-4. UPM. 4 Januari 1992.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2000). Dewan Bahasa Dan Pustaka. Selangor Darul Ehsan.
- Kementerian Pendidikan (1975). "Laporan Ahli Jawatankuasa Pendidikan." Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan (1992). "Perangkaan Pendidikan 1990." Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Kiejcie, R.V. & Morgan, D.W (1981). "Determining Sample Size For Research; Educational And Pyshological Measurement. New York. Mc Graw-Hill
- Mahathir Mohamad (1991). Malaysia. "Melangkah Ke Hadapan (Wawasan 2020)". Kertas Kerja Dibentangkan Dalam Mesyuarat Pertama Majlis Perniagaan Malaysia Pada 28 Februari 1991. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara.
- Majdan Yahya. (Januari 2002). "Kearah Pendidikan Teknik dan Vokasional". Dewan Siswa. Karang kraf. Com. My.
- Malaysia (1991). "Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua." Jabatan Percetakan Negara. Kuala Lumpur.

- Mohd. Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (1999). "Penyelidikan Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. Skudai." Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Mohd Nawi Ahmad. "Kemahiran Peringkat Tinggi Melalui Program Baru." The Star 1 Oktober 2000.
- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001), "Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 For Windows." Kuala Lumpur. Venton Publishing.
- Pang Chau Leong. "Pelajar Berkemahiran Mempunyai Kelebihan." Berita Harian 23 April 2001.
- Perkins A & Perkins M, (1999). "Eyes Wide Shut." Haper Business Review. USA
- Rahmah Ismail & Ishak Yusuf (1997). "Pendidikan di Malaysia. Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia." Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Robiah Sidin. (1998). "Pemikiran Dalam Pendidikan. Fajar Bakti Sdn. Bhd." Shah Alam.
- Roslan Rasip. (Januari 2002). "Lulusan Teknikal dan Vokasional Semakin Penting." Dewan Siswa. Karangraf. Com. My.
- Shahril Marzuki (1993). "Pendidikan Malaysia : Arah Dan Cabaran : Cabaran-cabaran Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional Bagi Memenuhi Permintaan Sumber Tenaga Manusia Untuk Mencapai Wawasan 2020." Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Shahril Marzuki, Saedah Hj. Siraj, Zainun Ishak dan Lee Pau Eing (1993). "Pendidikan Di Malaysia." Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sidek Mohd Noah Dr. (1997). "Penilaian dalam Kaunseling, Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL)." Serdang. Universiti Putra Malaysia.

Siti Maspiah Hassan & Nor Azizah Salleh (1995). "Pendidikan Vokasional: Formal Dan Non-Formal Ke Arah Wawasan 2020." Kertas Kerja Dibentangkan Dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad Ke-21 Pada 9 November 1995. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Stern, M (1992, June). Employer Survey. "Adult and Continuing Education Today." 22,25.

Tolbert, E. L. (1974). "Counseling For Career Development." Boston, Houghton Mifflin Company. 55-60.

Wall, J & Passmore, D (1997). "Economic Effects of Technicians Shortage." Monograph State College. PS-Penn State University.

Yahya Emat (1993). "Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke arah Mencapai Wawasan 2020." Jurnal Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.